Bil. 11/2021 I November I www.library.uitm.edu.my eISSN : 2735-1920

# IQRA'

Universiti Teknologi MARA
Perpustakaan Tun Abdul Razak

اقرأ

## BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

uitmlibrary | libraryuitm | libraryuitm | library.uitm.edu.my




***Bicara Buku Penerbit UiTM: Media Dan Pilihan Raya ke-14***
PTAR Cawangan Shah Alam - **muka 4**

***Pameran Maya: Penerbitan Berindeks SCOPUS***
PTAR Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh - **muka 5**

***Program Hari Kitar Semula***
PTAR Cawangan Pahang, Kampus Raub - **muka 6**

***Projek Lukisan "Doodle" Di Perpustakaan Al-Bukhari***
PTAR Cawangan Pahang, Kampus Jengka- **muka 8**

***Sesi Perkongsian: Seminar Kebangsaan Pembantu Pustakawan 2021***
PTAR Cawangan Melaka, Kampus Alor Gajah- **muka 10**

## Promosi@PTAR




*New Arrivals@PTAR Library Publication*




*Web of Science*

*Hak Cipta Terpelihara PTAR*

# SIDANG REDAKSI

# IQRA'


| | |
|---|---|
| PENASIHAT | Ts. Noor Hidayat bin Adnan |
| KETUA EDITOR | En. Jamalludin bin Hj. Sulaiman |
| EDITOR | En. Norhazlan bin Nordin |
| PENYELARAS | Pn. Adlina binti Abdullah |
| REKA BENTUK GRAFIK | Pn. Noor Azureen binti Abd. Aziz |

## WARTAWAN/WAKIL CAWANGAN

| | |
|---|---|
| Shah Alam | : Pn. Adlina Abdullah, En. Mohd Alfarabie Mohd Nasir, Pn. Nik Zatihulwani Jamaludin, Tn. Hj. Ahmad Faizar Jaafar, Pn. Siti Salwa Abdul Rahman, En. Abdul Razak Abdul Rahman, Pn. Norazlin Mohd. Yusof, Pn. Nurul Farihah Sarmin Panut, Pn. Nor Hafizah Md. Hanafiah, Pn. Noredayu Rosli, Pn. Azian Azis |
| Melaka | : Cik Hazlin Ibrahim Khan, Pn. Siti Haidah Md Aziz & Cik Ilya Nur Fateen Othman |
| Perlis | : Cik Nor Azrina Kassim |
| Sabah | : Cik Marlia Yuming |
| Kedah | : Pn. Noor Azlin Abdullah |
| Pulau Pinang | : Pn. Rafidah Muhamad Sam, Pn. Nor Azilawati Mohamad Azmi, Pn. Nurhayati Hassan |
| Kelantan | : En. Muslim Ismail @ Ahmad |
| Perak | : En. Mohd Azim Ansori, Cik. Nur Dayana Mohd Narwawi |
| Sarawak | : Pn. Hapsah Suut |
| Pahang | : Pn. Norfitriah Mat Seman, En. Roshairi Che Razali, En. Mohd Anwar Hassim |
| Terengganu | : En. Mohd Shahnizam Mat Zain, Pn. Asmahani Abdullah |
| Johor | : Pn. Siti Rozana Mat Sanat, Pn. Nor Azelea Mohd Azahar |
| N. Sembilan | : En. Syaiful Hisyam Saleh, En. Mohd Hafiz Kasirun & Pn. Nur Rabita Rouzan |
| Selangor | : Pn. Hafiza Mustape, Pn. Nur Fatihah Muhamad, Cik Nordiana Turkijo, Pn. Wan Rohani Wan Chin |



## PENERBIT

Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
Universiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

## KEKERAPAN KELUARAN

12 Keluaran Setiap Tahun

ISSN NO : 2735-1920


*Hak Cipta Terpelihara PTAR*

# LIVE@PTAR BICARA BUKU PENERBIT UiTM: MEDIA DAN PILIHAN RAYA KE-14
# 2 NOVEMBER 2021



*Disediakan oleh : Noor Azureen Abd Aziz*






**Untuk menonton semula:**

*Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM Shah Alam telah menganjurkan program Live@PTAR dalam segmen bicara buku yang bertajuk Media & Pilihan Raya ke-14 terbitan UiTM Press. Program ini dikendalikan oleh Puan Shahidatul Akhmam, Timbalan Ketua Pustakawan Bahagian Komunikasi Korporat selaku moderator bersama panel jemputan Prof. Datuk Dr. Ismail Sualman, Profesor di Fakulti Komunikasi & Pengajian Media UiTM Shah Alam. Dalam pada itu, Prof. Ismail merupakan penganalisis politik dan juga seorang pensyarah di Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media UiTM Shah Alam.*

*Program ini dimulakan dengan penerangan buku Media & Pilihan Raya ke-14 di mana buku ini merupakan himpunan artikel-artikel daripada profesor dan individu yang pakar dalam bidang komunikasi politik serta sains politik termasuk Prof. Ismail dan rakan-rakan beliau. Buku ini berkisarkan tentang konsep pilihan raya dalam aspek media iaitu bagaimana media memainkan peranan ketika pilihan raya sama ada secara tradisional mahupun menggunakan medium digital atau kedua-duanya. Buku ini merupakan salah satu buku ilmiah politik yang memiliki fakta yang kukuh hasil daripada para pengkaji yang pakar dalam bidang politik secara menyeluruh.*

*Bagi pendapat Prof. Ismail, berdasarkan pengamatan dan analisis daripada pakar politik, jumlah bagi golongan tua lebih ramai keluar mengundi berbanding dengan golongan muda. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah pendapat mengatakan golongan muda menjadi rebutan kerana parti-parti politik beranggapan bahawa golongan ini adalah penentu kepada parti-parti politik yang bertanding.*

*Bersempena Pilihan Raya ke-15 yang bakal diadakan pada tahun 2022, Prof. Ismail menyeru kepada individu yang berumur 18 tahun untuk mendaftar sebagai pengundi melalui laman sesawang Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan hanya memasukkan nombor kad pengenalan individu. Hal ini kerana, mengundi itu satu kewajipan dan ia merupakan penentu kepada pemimpin negara yang baik untuk masyarakat dan negara.*






Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:


UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Perpustakaan Tun Abdul Razak

Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Komunikasi Korporat,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.

**No. Tel: 03-5544 3731**



CERTIFIED ISO 9001 UKAS MANAGEMENT SYSTEMS 001

ISO 9001:2015 No. Sijil : 0048803

UiTM di hatiku

PTAR "LIBRARY for ALL"


*Hak Cipta Terpelihara PTAR*